

PELAN TINDAKAN STRATEGIK



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN WP LABUAN

HOSPITAL LABUAN

2026 - 2030
JABATAN KESIHATAN WP LABUAN





Kementerian Kesihatan Malaysia
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

PELAN TINDAKAN STRATEGIK 2026 – 2030 JABATAN KESIHATAN WP LABUAN

Cetakan Pertama 2026

Hak Cipta ©

Jawatankuasa Penerbitan Pelan Tindakan Strategik JKPWL 2026 – 2030
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan, 2026

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan.

Diterbit oleh:

Jawatankuasa Penerbitan Pelan Tindakan Strategik
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan 2026 – 2030
Peti Surat 80832, 87018
Wilayah Persekutuan Labuan, MALAYSIA

Dicetak oleh:

Bahagian Pengurusan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832, 87018
Wilayah Persekutuan Labuan, MALAYSIA

BAB	ISI KANDUNGAN	M/S
BAB 1	1. PENGENALAN 1.1. <i>Prakata</i> 1.2. <i>Ringkasan Eksekutif yang mengupas secara ringkas visi, misi dan teras strategik yang digunakan</i> 1.3. <i>Pengenalan/Latar belakang Agensi.</i> 1.4. <i>Carta Organisasi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan</i> 1.5. <i>Fungsi dan Peranan Umum Agensi</i> 1.6. <i>Punca Kuasa</i> 1.7. <i>Perkhidmatan</i> 1.8. <i>Fasiliti Kesihatan</i> 1.9. <i>Sumber manusia sehingga tahun 2025</i> 1.10. <i>Prestasi Kewangan</i> 1.11. <i>Beban Kerja</i> 1.12. <i>Projek-projek Pembangunan sehingga RMK -12</i> 1.13. <i>Pensijilan</i> 1.14. <i>Penggunaan Sistem Digital Dalam Urusan perkhidmatan</i>	3 4 4-6 7 7 7 7 8 - 10 10 - 14 14 - 15 16 16 - 20 21 - 24 24 - 25 25
BAB 2	2. SENARIO PERSEKITARAN 2.1. <i>Senarai Stakeholders dan Pelanggan Agensi</i> 2.2. <i>Penjelasan mengenai isu-isu/cabaran-cabaran strategik berdasarkan Analisis Persekitaran.</i>	26 - 28 29 - 34
BAB 3	3. HALA TUJU STRATEGIK 3.1. <i>Visi</i> 3.2. <i>Misi</i> 3.3. <i>Nilai</i> 3.4. <i>Kerangka Pelan Tindakan Strategik JKWPL 2025 – 2026</i>	35 35 35 36
BAB 4	4. STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN 4.1. <i>Teras Strategik 1</i> 4.2. <i>Teras Strategik 2</i> 4.3. <i>Teras Strategik 3</i> 4.4. <i>Teras Strategik 4</i> 4.5. <i>Teras Strategik 5</i> 4.6. <i>Strategi dan Formulasi Tindakan</i>	37 - 52 53 - 69 70 - 78 79 - 93 94 - 98 99 - 101
BAB 5	5. IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN 5.1. <i>Elemen Penentu Kejayaan</i>	102
BAB 6	6. PENUTUP	103
BAB 7	7. PENGHARGAAN	104 - 107

PRAKATA

**YBRS PENGARAH KESIHATAN NEGERI,
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**



Dengan penuh penghargaan, saya merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Pelan Tindakan Strategik Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan 2026–2030. Dokumen ini menjadi kompas halatuju jabatan dalam usaha memperkukuh sistem kesihatan di WP Labuan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pelan ini dibangunkan dengan mengambil kira cabaran semasa dan masa hadapan seperti peningkatan penyakit tidak berjangkit, risiko wabak, perubahan iklim, kemajuan teknologi digital serta keperluan masyarakat terhadap perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dan mudah diakses.

Kejayaan pelaksanaan pelan ini memerlukan kerjasama padu seluruh warga jabatan bersama rakan strategik, agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti. Profesionalisme, integriti dan budaya kerja cemerlang hendaklah terus menjadi teras dalam setiap tindakan.

Saya berharap pelan ini bukan sekadar dokumen, tetapi menjadi panduan praktikal dan pemangkin semangat kepada semua warga Jabatan Kesihatan WP Labuan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh komitmen. Bersama-sama, kita membina sistem kesihatan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan demi kesejahteraan rakyat.

Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang telah menyumbang tenaga dan idea dalam menjayakan pelan strategik ini.

Sekian, terima kasih.

“Labuan Pulau Sihat”

Dr. Francis Paul (MMC 33087)

Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1. Ringkasan Eksekutif yang mengupas secara ringkas visi, misi dan teras strategik yang digunakan

- 1.1.1. Dalam penyediaan visi, misi dan strategik Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan, satu bengkel Pelan Tindakan Strategik telah diadakan pada 9-11 April 2025 dengan penglibatan semua bahagian yang dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai kanan mengambil kira kesinambungan pelan sedia ada sejajar dengan visi dan misi Kementerian kesihatan.
- 1.1.2. Pelan ini berpaksikan kepada konsep Pulau Labuan sihat dengan penyediaan perkhidmatan yang komprehensif termasuk aktiviti penggalakkan, pencegahan, pemulihan dan rehabilitasi menggunakan kepakaran kesihatan sepenuhnya bersama dengan penglibatan semua lapisan masyarakat. Pelan Strategik yang disediakan merangkumi semua aspek pengurusan kesihatan yang cekap, berkualiti dan selamat bagi kepentingan pekerja dan orang ramai.
- 1.1.3. Pelan ini mensasarkan 'outcome' rakyat yang sihat serta kualiti hidup yang baik merangkumi aspek kesihatan individu, masyarakat dan kebersihan persekitaran agar dapat menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial negara.
- 1.1.4. Pelan ini juga akan memfokuskan pembangunan sumber manusia, proses kerja, infrastruktur fizikal dan sistem pendigitalan yang akan meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan untuk mencapai visi dan misi jabatan

1.2. Pengenalan / Latar belakang Agensi.

- 1.2.1. **Wilayah Persekutuan Labuan** merupakan Wilayah Persekutuan kedua Malaysia yang diwujudkan pada tahun 1984. Ia merangkumi keseluruhan pulau Labuan yang mempunyai keluasan 91.64 km². Pulau Labuan terletak sekitar 10 km dari pantai Sabah, 2 1/2 jam penerbangan dari Kuala Lumpur, dan sekitar 30 km dari pantai Brunei. Pulau Labuan telah diisytiharkan sebagai pusat kewangan luar pantai pada 1990 dan pelabuhan bebas cukai sejak 1956. Labuan mempunyai pelabuhan yang dalam dan besar, yang merupakan punca asal namanya *pelabuhan* atau "Labuhan". Pusat bandar bagi Wilayah Persekutuan Labuan adalah Bandar Victoria.

- 1.2.2. **Pulau Labuan** juga mempunyai air yang jernih dan pantai berpasir sepanjang persisiran pantai, menjadikannya destinasi pelancongan yang baik. Pulau Labuan juga mempunyai perairan yang baik untuk aktiviti menyelam dan mempunyai empat destinasi penyelaman skuba. Perbadanan Labuan mempromosi Labuan 5S iaitu *Sun, Sand, Seafood, Sport Tourism and Shopping and Services*.
- 1.2.3. Labuan merupakan salah sebuah Wilayah Persekutuan Malaysia. Pulau ini ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wilayah Persekutuan (Sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan) bermula pada tahun 1984. Perbadanan Labuan yang diketuai oleh seorang Pengerusi menjalankan tugas sebagai pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pentadbiran Labuan. Labuan mempunyai seorang perwakilan di Dewan Negara dan seorang di Dewan Rakyat. Secara lazimnya, ahli Dewan Rakyat bagi Labuan akan dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan. Kampung-kampung di Labuan pula di tadbir oleh seramai 27 orang Ketua Kampung yang dilantik oleh Perbadanan Labuan. Secara tradisi, hampir semua ketua-ketua kampung adalah berketurunan Kedayan-Brunei kecuali Ketua Kampung Sungai Keling yang berketurunan Cina.
- 1.2.4. **Perkhidmatan Kesihatan** bermula di Labuan sebagai pulau Victoria sejak awal tahun 1900 sebagai '*cottage hospital*' yang terletak di Tanjung Membedai. Pada tahun 1940 perkhidmatan hospital dan pesakit luar telah dikembangkan di kawasan yang sama sehingga pembinaan hospital pada tahun 1995 di Jalan Muhamad Salleh yang terletak secara strategiknya di tengah Pulau Labuan. Sebelum tahun 2002, Perkhidmatan kesihatan di Labuan adalah di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Perkhidmatan kesihatan pada masa itu termasuk Hospital Labuan dan Pejabat Kesihatan Daerah Labuan.
- 1.2.5. Pada tahun 2002, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan telah diwujudkan di bawah Pengarah Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan dan tidak lagi di bawah pentadbiran Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan bertanggungjawab terus kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1.2.6. Jabatan Kesihatan yang terletak di Tanjung Membedai merangkumi pejabat pengarah kesihatan dan pejabat semua


timbangan pengarah kesihatan sebagai PTJ 1 bersama dengan Bahagian Kesihatan Awam, Pergigian, Pengurusan, Keselamatan dan Kualiti Makanan, Perubatan dan Farmasi. Beberapa perkhidmatan kesihatan awam juga berada di kompleks ini termasuk Klinik Kesihatan, CPRC, Klinik Tibi, Pemakanan, Wellness Hub dan Kejuruteraan.

1.2.7. Pengarah Kesihatan Negeri yang pertama adalah Dr Kamarudin Bin Alias (2002-2004) disusuli oleh Datuk Dr Zaini Bin Hussin(2004-2014), Dr Ismail Bin Ali (2014-2016) dan Dr Ismuni Bin Bohari (2016-2022). Pengarah Kesihatan Negeri yang menjawat jawatan sekarang adalah Dr Francis Paul bermula pada tahun 2022.

1.2.8. **Hospital Labuan** yang dibina pada tahun 1995 terletak secara strategik di tengah pulau Labuan memberi akses yang mudah bagi pesakit. Hospital ini yang sudah berusia 30 tahun memberi perkhidmatan dalam pelbagai kepakaran sebagai hospital pakar minor. Berikut adalah senarai nama Pengarah Hospital Labuan sejak penubuhannya:

- 1.2.8.1. Dr Mohd Abdul Majid (1996-1998)
- 1.2.8.2. Dr Kamarudin Alias (1998-2004)
- 1.2.8.3. Dr Francis Paul (2005)
- 1.2.8.4. Dr Joshua Beting Giling (2006-2010)
- 1.2.8.5. Dr Betty Shee Chiang Lee (2010-2012)
- 1.2.8.6. Dr Rameswaran A/L Muthu (2012-2015)
- 1.2.8.7. Dr Adnan Musa Balindran (2015-kini)

1.3. Carta Organisasi Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan



1.4. Fungsi dan Peranan Umum Agensi

- 1.4.1. Memberi perkhidmatan kesihatan kepada pesakit dan orang ramai dalam bentuk promosi kesihatan, pencegahan, rawatan pemulihan dan rehabilitasi di fasiliti hospital dan kesihatan termasuk rawatan pergigian dan konsultasi pemakanan.
- 1.4.2. Perkhidmatan kesihatan ini juga termasuk kawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, surveilans, penguatkuasaan undang-undang kesihatan dan pelbagai bentuk pelesenan termasuk premis makanan, farmasi, barangan makanan eksport dan pensijilan premis makanan dan kawalan amalan perubatan swasta.
- 1.4.3. Perkhidmatan kesihatan juga membuat liputan perubatan, perkhidmatan kecemasan semasa bencana, saringan kesihatan dan konsultasi berkaitan dengan kesihatan.

1.5. Punca Kuasa

- 1.5.1. Kementerian Kesihatan Malaysia

1.6. Perkhidmatan

1.6.1. Kesihatan Awam

- (a) **Kesihatan Primer**- perkhidmatan pesakit luar di Klinik Kesihatan, Klinik UTC dan Klinik Komuniti.
- (b) **Kesihatan Keluarga**- Perkhidmatan kesihatan ibu dan anak di Klinik Kesihatan, Klinik Desa dan Klinik UTC.
- (c) **Kawalan Penyakit**- perkhidmatan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit termasuk surveilan, penguatkuasaan, saringan dan kawalan vektor.
- (d) **Promosi Kesihatan** - perkhidmatan promosi kesihatan berfokuskan kepada penggalakkan dan pencegahan melalui aktiviti kecergasan, pendidikan dan saringan kesihatan.
- (e) **Pemakanan** – perkhidmatan konsultasi dan intervensi pemakanan sihat bagi tujuan mengoptimasi nutrisi dan mengekalkan berat badan yang ideal.

1.6.2. Perubatan

- (a) Rawatan pemulihan dan rehabilitasi di **hospital** melalui perkhidmatan kepakaran pesakit luar dan dalam. Perkhidmatan Kepakaran yang disediakan termasuk:
 - 1. Perubatan Am
 - 2. Pembedahan Am
 - 3. Ortopedik
 - 4. Perbidanan dan Sakit Puan
 - 5. Pediatrik
 - 6. Perubatan Kecemasan
 - 7. Oftalmologi
 - 8. Otorinolaringologi (telinga, hidung dan tekak)
 - 9. Psikiatri
 - 10. Radiologi
 - 11. Anestesiologi
 - 12. Microbiologi
 - 13. Hematologi

- (b) **Rawatan Kecemasan** termasuk perkhidmatan ambulan dan liputan perubatan.
- (c) Perkhidmatan perubatan di hospital juga disokong oleh perkhidmatan kejururawatan, penolong pegawai perubatan dan kesihatan bersekutu seperti fisioterapi, terapi cara kerja, audiologi, dan lain-lain lagi.
- (d) **Kawalan Amalan Perubatan** swasta untuk memastikan perkhidmatan berkualiti dan selamat berpandukan undang-undang yang berkuatkuasa.

1.6.3. **Pergigian**

- (a) **Perkhidmatan Pergigian Primer-** Rawatan pergigian pesakit luar di Klinik Kesihatan, UTC dan Klinik Komuniti.
- (b) **Perkhidmatan Pergigian Kepakaran-**
Hospital-Based: Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial di Hospital Labuan; dan
Non-Hospital-Based: Kepakaran Ortodontik di Klinik Pergigian.
- (c) **Perkhidmatan Pergigian Masyarakat-** Rawatan pencegahan dan pemulihan di sekolah dan komuniti.

1.6.4. **Farmasi**

- (a) **Pengurusan ubat dan bekalan** - Perkhidmatan dalam Perolehan, Penyimpanan dan Pengeluaran, Penyediaan dan Pendispensan serta Pemantauan aktiviti di Klinik Kesihatan dan Hospital.
- (b) **Penguatkuasaan Farmasi** - penguatkuasaan undang-undang ke atas produk kesihatan dan kosmetik serta iklan produk (termasuk perkhidmatan perubatan) melalui aktiviti penguatkuasaan dan pencegahan, pelesenan dan pemantauan berterusan .

1.6.5. **Kualiti dan Keselamatan Makanan**

- (a) **Teknikal Konsultasi-** perkhidmatan perunding tentang kualiti dan keselamatan makanan bagi

pengeluaran sijil kesihatan bagi premis menjual, mengilang dan penyedia makanan bagi tujuan import, domestik dan eksport.


- (b) **Penguatkuasaan** - tindakan penguatkuasaan melalui undang-undang kesihatan yang berkuatkuasa termasuk pemeriksaan premis menjual makanan, kilang, dan kawalan barangan di pintu masuk antarabangsa.

1.6.6. Pengurusan

Perkhidmatan Pengurusan bertanggungjawab dalam semua aspek pengurusan termasuk pengurusan sumber manusia, kewangan, perolehan dan aset, pembangunan dan latihan serta menyediakan perkhidmatan kaunseling psikologi bagi menyokong perkhidmatan kesihatan.


1.7. FASILITI KESIHATAN

- 1.7.1. Jabatan Kesihatan mempunyai beberapa kemudahan kesihatan kekal termasuk hospital, klinik kesihatan, klinik komuniti dan klinik desa serta perkhidmatan kesihatan dan pergigian di sekolah.
- 1.7.2. Di samping kemudahan kesihatan kerajaan, Labuan juga menawarkan perkhidmatan klinik pergigian dan perubatan swasta.
- 1.7.3. Gambar di bawah menunjukkan lokasi kemudahan Hospital Labuan, klinik kesihatan, klinik desa dan perkhidmatan klinik swasta di Labuan.



Kemudahan Klinik Desa (8)

(Nota : KD Bebuloh dan KD Bukit Kalam ditutup perkhidmatan beralih ke KD Layang-Layangan dan KD Sg Lada)



13

Perkhidmatan Kemudahan Perubatan Swasta



14

1.7.4. Isu dan Cabaran di Hospital Labuan dan Klinik Kesihatan

- 1.7.4.1. **Hospital Labuan** dibina pada tahun 1995 mempunyai isu utama pemendapan tanah yang berlanjutan dari tarikh pembinaan menyebabkan parit dan apron rosak dan tidak selamat. Satu projek naiktaraf bangunan menambah ruang pejabat yang dibina pada sekitar tahun 2012 menunjukkan keretakan dan terpisah dari bangunan asal kerana pergerakan tanah dan terpaksa dirobohkan pada tahun 2023. Bangunan utama tidak terjejas. Antara masalah lain adalah ruang yang sesak dan panas, kemudahan tandas yang tidak sesuai untuk pesakit, cat bangunan lusuh, kekurangan katil rawatan rapi dan dewan bedah, ketiadaan MRI dan Mammogram serta CT scan yang sudah lapuk.

- 1.7.4.2. **Klinik Kesihatan WP Labuan Jenis 3** dibina pada tahun 2002 dan dalam keadaan yang baik melalui beberapa projek menaiktaraf, namun masih mempunyai isu sistem penghawa dingin yang perlu dinaiktaraf.
- 1.7.4.3. **Klinik Kesihatan UTC** mula beroperasi pada tahun 2016 memberi perkhidmatan kesihatan primer, kesihatan keluarga dan rawatan pergigian. Ketiga-tiga perkhidmatan ini menggunakan ruang yang sama sehingga tahun 2024 di mana klinik pergigian telah ditempatkan di ruang baru memberi keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan. Beberapa projek naiktaraf masih diperlukan untuk meningkatkan kecekapan dan keselesaan kemudahan ini.
- 1.7.4.4. **Klinik Komuniti Taman Mutiara atau KKOM** diwujudkan pada tahun 2019 sebagai usaha untuk memberi perkhidmatan kepada golongan 'urban poor' yang dahulunya dikenali sebagai Klinik 1Malaysia. Kemudahan ini menggunakan bangunan rumah pangsa yang diubahsuai untuk memenuhi keperluan pada masa itu, namun sejak penubuhannya, mempunyai masalah ruang yang sempit dan sukar untuk dinaiktaraf kerana kekangan ruang dan tertakluk kepada polisi perumahan. KKOM ini dicadangkan untuk dihentikan perkhidmatan setelah Klinik Kesihatan Bebuloh mula beroperasi pada tahun 2027.
- 1.7.4.5. **Perkhidmatan Klinik Desa** sebanyak 8 buah terletak secara strategik di seluruh pulau Labuan dan mempunyai akses yang sangat baik bagi penduduk Labuan. 2 klinik desa bangunan kayu telah dihentikan perkhidmatan iaitu KD Bebuloh dan KD Bukit Kalam. KD Bebuloh sedang dinaiktaraf ke Klinik Kesihatan Bebuloh Jenis 5 di lokasi baru dan dijangka siap pada tahun 2027. KD Bukit Kalam dicadangkan untuk digunakan sebagai kuarters untuk pelatih ILKKM Kota Kinabalu. Tidak banyak isu bagi 8 buah KD yang lain melainkan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf dari masa ke semasa. Bagi jangka masa panjang, KD Layang-layangan dicadangkan untuk dinaiktaraf ke Klinik Kesihatan dengan mendapatkan tanah yang sesuai di kawasan berdekatan.
- 1.7.4.6. **Perkhidmatan kemudahan perubatan swasta** banyak membantu mengurangkan beban di kemudahan kerajaan. Namun, Labuan tidak mempunyai kemudahan hospital

swasta. Semua perkhidmatan kepakaran dan pesakit dalam menggunakan Hospital Labuan atau rujukan terus ke hospital swasta di Kota Kinabalu, Sabah. Tiada permohonan pembinaan hospital swasta di Labuan setakat kini.

1.7.4.7. Perincian Isu dan tindakan/cadangan bagi kemudahan hospital dan klinik kesihatan adalah seperti dalam jadual di bawah:

Bil	Isu dan cabaran	Tindakan/ Cadangan
1	Hospital Labuan - Pergerakan tanah menyebabkan struktur apron bangunan dan parit rosak dan tidak selamat.	Penilaian akhir JKR untuk kerja rektifikasi dalam RMK13.
2	Hospital Labuan - Dewan bedah tidak mencukupi (2 dewan bedah).	Pembinaan Modular OT diluluskan dalam RMK12 dijangka akan bermula tahun 2026.
3	Hospital Labuan - Gas perubatan menggunakan tong gas dan sistem manifold.	Pemasangan gas perubatan berpusat menggunakan sistem VIE dalam pembinaan dan dijangka siap pada September 2025.
4	Hospital Labuan - Ruang wad yang sempit akibat penambahan katil dari 109 ke 122. Walaupun BOR rendah (60%), keadaan wad adalah sesak dan disiplin perubatan dan pembedahan berkongsi membawa risiko jangkitan silang. Ruang sedia ada juga tidak dapat menampung sekiranya berlaku wabak atau bencana.	Pembinaan Blok Pembedahan baru 90 katil dilengkapi dengan dewan bedah, jabatan kecemasan dan wad rawatan rapi dirancang pada RMK14.
5	Hospital Labuan - Bangunan pengurusan di Bangunan Hostel Jururawat tidak kondusif.	Pelan naiktaraf bangunan Hostel Jururawat kepada Bangunan Pengurusan bawah projek BP0600 2026.
6	Hospital Labuan - Warna cat bangunan yang lusuh dan tidak seragam dengan pelbagai warna yang tidak mencerminkan imej baik Kesihatan.	Cadangan pengecatan semulan bangunan hospital di bawah projek naik taraf ubah suai dan pembaikan wad di Hospital daerah.

7	Hospital Labuan - Peralatan perubatan CT Scan yang outdated.	Cadangan penggantian CT Scan dalam pertimbangan KKM-2026 dibawah Projek Leasing 3.0.
8	Hospital Labuan - Ketiadaan Mammogram	Mammogram telah diluluskan untuk bekalan tahun 2026.
9	Sistem Pendingin Hawa berpusat yang rosak di KK Labuan	Penggantian AHU telah dilaksanakan pada tahun 2024 dan penggantian sistem ducting akan dilaksanakan pada tahun 2025.
10	Bumbung yang bermasalah akibat kerja-kerja naiktaraf/penambahbaikan sebelum ini di KK Labuan	Pembaikan bumbung akan dilaksanakan di bawah projek RMK-12 dikendalikan oleh JKR pada tahun 2025-2027.
11	Ruang yang sempit dan tidak kondusif di KKOM	Perkhidmatan akan dihentikan setelah Klinik Kesihatan Bebuloh siap dibina pada tahun 2027.
12	Ruang sempit dan tidak teratur di KK UTC	Projek naiktaraf KK UTC akan dilaksanakan pada tahun 2025.
13	Hospital Labuan - Wad kelas 3 panas dan tidak selesa	Permohonan untuk memasang sistem pendingin hawa berpusat di bawah RMK-13 RP2.

1.8. Sumber manusia sehingga tahun 2025


- 1.8.1. Penetapan perjawatan termasuk bilangan dan skim perjawatan adalah ditetapkan mengikut tahap perkhidmatan dan beban kerja serta norma perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 1.8.2. Pengisian Jawatan adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan dan ketersediaan lantikan atau penempatan dari kementerian pusat
- 1.8.3. **Pelbagai jawatan kontrak dan mystep** juga dilaksanakan untuk menampung keperluan jabatan seperti jawatan kontrak pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi dan penolong pegawai perubatan. Manakala jawatan mystep adalah terhad kepada beberapa jawatan seperti pembantu tadbir, penolong jurutera dan pegawai promosi kesihatan.

- 1.8.4. **Cabaran utama** adalah kadar pertukaran kakitangan yang tinggi terutama bagi pakar, pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi dengan purata kitaran setiap 2 tahun. Jabatan Kesihatan Labuan juga tidak mempunyai jawatan pegawai perubatan yang mencukupi untuk Hospital dan Kesihatan. Antara isu yang membebankan sumber manusia adalah jawatan pegawai perubatan bagi pegawai yang menjalani Latihan Kepakaran menggunakan jawatan Hospital Labuan. Ini menyebabkan sebanyak 18 jawatan tidak dapat dikosongkan untuk pengisian.
- 1.8.5. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan perjawatan dan pengisian bagi keseluruhan Jabatan Kesihatan WP Labuan dari tahun 2023 hingga April Tahun 2025.

PERKARA	2023	2024	2025 (30 April)
Bilangan Jawatan	1167	1186	1186
Bilangan Pengisian	1032	1093	1080
Kosong	135	93	106
Kontrak	186	129	123
Kontrak Interim	0	16	16
Sandangan Tetap Tiada Perjawatan	0	-1	-2
Mystep	16	28	27
Jumlah	1234	1250	1230
Jawatan Kunci	2023	2024	2025 (30 April)
Pakar	25	28	27
Pegawai Perubatan	143	129	128
Jururawat/Jm	329	328	326
Pen. Pegawai Perubatan	104	94	94
Pegawai Farmasi	57	53	53
Pegawai Pergigian	41	43	42
<i>Sumber : Laporan Perjawatan Sumber Manusia JKNWPL</i>			

1.9. Prestasi Kewangan

- 1.9.1. Peruntukan kewangan sentiasa mendapat sokongan yang padu dari Kementerian Kesihatan bagi perkhidmatan yang utama bagi belanja mengurus dan pembangunan termasuk perkhidmatan sokongan yang diswastakan di mana perkhidmatan dapat berjalan dengan lancar tanpa banyak gangguan. Ini termasuk bekalan ubat, konsumabel, alat-tulis, bayaran elaun lebih masa dan lain-lain lagi.
- 1.9.2. Peruntukan bagi aset dan kerja-kerja pembangunan mempunyai had limit tertentu bagi setiap tahun namun banyak membantu untuk menaiktaraf perkhidmatan sedia ada.
- 1.9.3. Graf di bawah menunjukkan perbandingan perbelanjaan bagi tahun 2023 dan 2024. Perbelanjaan pembangunan termasuk Projek Pembangunan Fizikal dan penyelenggaraan fasiliti dan latihan dalam perkhidmatan. *(Sumber: Seksyen Kewangan JKNWPL 2025)*




1.10. Beban Kerja


- 1.10.1. Pandemik Covid-19 telah melanda seluruh dunia pada tahun 2020-2022 dan Labuan tidak terkecuali dalam pandemik ini. Beban kerja pada tahun-tahun tersebut adalah bukan norma biasa namun perancangan pembangunan kesihatan mengambil kira implikasi pandemik ini dalam pelan strategik kesihatan.

BEBAN KERJA	2021	2022	2023	2024
BOR	131.91%	62.70%	54.21%	60.68%
DISCAJ	11,507	8,864	8,485	9,951
Kedatangan Pesakit (Klinik Pakar)	24,976	34,358	41,076	46,201
Kedatangan Pesakit (Kecemasan)	28,544	33,298	40,165	43,005
Kelahiran	1,575	1,419	1,433	1,331
Pembedahan	NA	NA	2,159	2,253
Rawatan Hemodialisis	17,292	16,601	17,910	17870
Kedatangan di Klinik Kesihatan	284,885	201,813	203,273	215,572
Kedatangan di KD	102,390	89,363	91,610	89,425
Kedatangan Pesakit (Pergigian)	25,122	51,394	50,805	63,609
sumber: http://apps.jknlabuan.moh.gov.my/onedata/index.php				


- 1.10.2. BOR Hospital menunjukkan penggunaan katil yang stabil dalam jangka masa 3 tahun. Peningkatan yang tinggi pada tahun 2021 adalah akibat kesan kemasukan pesakit Covid-19. Keperluan penambahan katil berdasarkan BOR belum mempunyai justifikasi yang kukuh, namun bilangan katil asal hospital adalah 109 sahaja dan penambahan 13 katil menyebabkan kesesakan di wad lelaki dan perempuan. Perancangan jangka panjang adalah mengasingkan wad berdasarkan jantina dan disiplin, dan satu blok pembedahan perlu dibina dalam masa 10 -20 tahun bagi menyediakan infrastruktur yang lebih selesa dan selamat kepada pesakit dan pekerja.
- 1.10.3. Graf di sebelah menunjukkan tren BOR dari tahun 2021 hingga 2024.




- 1.10.4. Bilangan discaj meningkat pada kadar 27 discaj seharian pada tahun 2024 dari 23 discaj seharian pada tahun 2023. Dengan penambahan disiplin di hospital terutamanya di bidang kepakaran pembedahan, bilangan discaj ini dijangka akan meningkat dengan mengekalkan ALOS antara 2-3 hari. (*rujuk graf di sebelah*)



- 1.10.5. **Kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar** menunjukkan peningkatan disebabkan oleh penambahan perkhidmatan kepakaran. Sebelum ini banyak kes yang tidak dapat dilihat mengikut penetapan janji temu atau dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Likas kerana kekurangan pakar. Terdapat keperluan untuk menambah masa, penjadualan janji temu dan infra klinik di Hospital Labuan untuk menampung beban kerja pesakit luar (*rujuk graf di sebelah*)




- 1.10.6. **Bilangan kelahiran** di Labuan menunjukkan tren penurunan mencerminkan tren yang sama di seluruh negara. Fokus adalah untuk meningkatkan kualiti penjagaan ibu mengandung dengan perkhidmatan yang selamat dan cekap untuk menurunkan kadar kematian ibu dan kanak-kanak.



- 1.10.7. **Kedatangan pesakit di Klinik Kesihatan** (termasuk UTC dan KKOM) menunjukkan peningkatan dan dijangkakan peningkatan ini berterusan dengan adanya kesedaran dan saringan kesihatan bagi penduduk Labuan. Peningkatan kedatangan juga akan dijangka meningkat dengan naiktaraf perkhidmatan pesakit luar dan MCH di Klinik Kesihatan Bebulu yang dijangka siap pada tahun 2027.

- 1.10.8. **Kedatangan di Klinik desa** menunjukkan penurunan berkait rapat dengan kadar kelahiran di Labuan. Kedatangan di **Perkhidmatan pergigian** semakin meningkat dan ada keperluan untuk penambahan klinik pergigian dan kakitangan yang berkaitan.



- 1.10.9. Tinjauan Kadar Insiden dan prevalens penyakit tidak berjangkit, kanser dan penyakit mental di Labuan adalah seperti dalam jadual di bawah:

Penyakit	Kadar Insiden *	Prevalen
Diabetes Meiltus	125/100,000	5.1% (NHMS 2023)
Hypertension	254/100,000	14.4% (NHMS 2023)
Kanser	12/100,000	0.17%*
Kesihatan Mental	90/100,000	1.52%*
Cardiovascular	71/100,000	0.93%*
Cerebrovascular	6/100,000	0.18%*
Asthma	93/100,000	0.69%
*Sumber: *Data NCD, Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan WP Labuan Jan-Apr 2025		

1.11. Projek-projek Pembangunan sehingga RMK -12

- 1.11.1. Setiap tahun Jabatan Kesihatan mendapat peruntukan pembangunan dalam bentuk RMK-12, BP6 dan Naiktaraf Klinik daif. Banyak projek telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021-2025.
- 1.11.2. Kebanyakan klinik desa telah dinaiktaraf kepada bangunan konkrit dan dua buah klinik binaan kayu telah dihentikan perkhidmatan. Berikut adalah gambar-gambar bagi kerja-kerja pembangunan infrastruktur sepanjang tahun 2024 dan 2025.

Pencapaian Projek Pembangunan 2024 (BP600, BP 201, BP 900)



Jumlah
Keseluruhan

17
RM 3,760,000



BP 6

12
RM 2,500,000.00



BP 201
Klinik Daif
2
RM 800,000



BP 900
Kuarters
3
RM 460,000

25

Kerja-kerja Naik taraf BP6 - 2024



Unit NCD
Kesihatan Awam

RM 28,037.00



Klinik Pergigian
UTC

RM 276,640.00



Rumah Sampah
JKN

RM 74,067.00



Kafetaria Sihat
JKN

RM 179,965.00

26

Kerja-Kerja Naiktaraf BP6



Tandas Awam
Hospital Labuan

RM 219,620.00



Jabatan Bedah Mulut &
Maksilofasial
Hospital Labuan

RM 145,895.00



Respizone
Hospital Labuan

RM 492,400.00



Farmasi Logistik
Hospital Labuan

RM 186,230.48

27

Kerja-Kerja Naiktaraf BP6, BP201, BP900



Pejabat Bahagian
Perubatan

RM 95,353.80



Klinik Kesihatan labuan

RM 560,179.03



KD Batu Manikar

RM 199,592.00



Kuarters
Hospital Labuan

RM 399,999.60

29

PROJEK RMK -12 (SIAP /TEMPOH KECACATAN/ DALAM PELAKSANAAN/)



FARMASI STERIL
HOSPITAL LABUAN
RM 26,048,000.00
Mula : 2022
Siap :2024

NAIKTARAF SISTEM
GAS PERUBATAN
HOSPITAL LABUAN,
WP LABUAN

RM 14,000,000

Mula : 2023

Dijangka siap : Mei 2025



KLINIK KESIHATAN
BEBULOH
RM 26,472,000.00
Mula : 2024
Dijangka siap: 2027

MENYIAPKAN KUARTERS
KAKITANGAN JKN WP
LABUAN

RM36,000,000

Mula :2019

Tender semula :7 Jan 2025

Dijadualkan Siap :10 Julai
2027



31

SENARAI KELULUSAN BAGI PROJEK RMK-12 TAHUN 2025-2027 (Jumlah : 7 - RM 37,784,000)



LS BY-NC-ND

**MODULAR OT
HOSPITAL LABUAN**

RM 20,060,191.01



**PEMBAIKAN BUMBUNG
JKN**

RM 14,853,921.70



**SISTEM AHU
KLINIK KESIHATAN LABUAN**

RM 1,040,000.00



BAS PERGIGIAN

RM1,000,000

32

SENARAI PROJEK RMK 2025-2027 *SAMBUNGAN...*



**PEMBAIKAN KUARTERS
HOSPITAL LABUAN**

RM200,000



**PEMBAIKAN KUARTERS
KD LAYANGAN**

RM 80,000



VAN PERGIGIAN

RM450,000

33

PROJEK BP6 DALAM PELAKSANAAN TAHUN 2025 (5 : RM 1.2 juta)



**REVOT NAIKTARAF
UNIT VEKTOR
KESIHATAN AWAM,
JKN**

RM520,000

NAIKTARAF TANDAS
HOSPITAL
RM200,000
&
PEMBAIKAN TANDAS BKKM,
JKN
RM50,000



**NAIKTARAF KAUNTER KLINIK
UTC**

180,000

NAIKTARAF RUANG
REHABILITASI DAN
OFTALMOLOGI
HOSPITAL LABUAN
250,000



34

PROJEK NAIKTARAF KLINIK DAIF DALAM PELAKSANAANTAHUN 2025 (6: RM 2 juta)

 JUMLAH 6 PROJEK RM 2,000,000	Kerja-kerja naik taraf bangunan Unit Rehabilitasi dan Stor Farmasi Logistik serta ubah suai dalaman di Klinik Kesihatan Labuan RM1,000,000 	 Kerja-kerja naik taraf dan ubah suai ruang menunggu pesakit serta lain-lain kerja berkaitan di Klinik Desa Sungai Lada RM 250,000	Kerja-kerja naik taraf Klinik Desa Lajau dan infra kejuruteraan termasuk unit dental di Klinik Desa Lajau RM300,000 
---	--	--	---

35

PROJEK NAIKTARAF KLINIK DAIF DALAM PELAKSANAAN TAHUN 2025

 Kerja-kerja naik taraf dan ubah suai bangunan, sistem kejuruteraan termasuk infra serta lain-lain kerja berkaitan di Klinik Desa Tanjung Aru RM200,000	Kerja-kerja naik taraf dan ubah suai bangunan, sistem kejuruteraan termasuk infra serta lain-lain kerja berkaitan di Klinik Desa Rantau Rantau RM 200,000 	 Klinik Desa Lubok Temiang RM50,000	
---	---	--	--

36

1.12. PENSIJILAN

- 1.12.1. Jabatan Kesihatan WP Labuan komited dengan kualiti perkhidmatan kesihatan melalui inisiatif pensijilan kualiti seperti MSISO, HACCP, BFHI, EKSA dan Hospital Cemerlang dan hospital akreditasi. Jabatan sedang giat berusaha untuk mendapatkan sijil Akreditasi Hospital dan Pensijilan EKSA.



1.13. Penggunaan Sistem Digital Dalam Urusan perkhidmatan

- 1.13.1. Jabatan Kesihatan dengan polisi kerajaan dan kementerian kesihatan menggalakkan penggunaan sistem digital dalam urusan pentadbiran dan perawatan pesakit. Pelbagai sistem yang dibangunkan oleh kerajaan pusat, kementerian kesihatan dan jabatan sendiri digunapakai dalam urusan pentadbiran dan rawatan pesakit.
- 1.13.2. Jabatan Kesihatan memerlukan infra termasuk komputer desktop dan laptop yang mencukupi bagi pelaksanaan Cloud based Clinical Management System (CCMS) atau Medical Program Information System (MPIS). MPIS telah dilaksanakan secara berfasa di Hospital Labuan sementara pelaksanaan sepenuhnya menggunakan CCMS pada tahun 2028 (Fasa 2).

BAB 2.0 : SENARIO PERSEKITARAN

2.1. Senarai Stakeholders dan Pelanggan Agensi

2.1.1. Pelanggan langsung ditakrifkan sebagai penerima faedah daripada KKM, adalah seperti tersenarai dalam Jadual 1. Manakala pihak berkepentingan JKWPL adalah kumpulan/ organisasi/ individu yang mempunyai kepentingan dalam program-program Kementerian Kesihatan yang boleh mempengaruhi penggubalan dasar. (Jadual 2). **Jadual 1:**

2.1.2. PELANGGAN LANGSUNG JKWPL:Jadual 1

JADUAL 1: PELANGGAN LANGSUNG JKWPL		
Luaran	Keperluan	Jangkaan
Pesakit (warga dan bukan warga)	Perkhidmatan kesihatan di hospital dan kesihatan awam untuk konsultasi, rawatan, siasatan dan prosedur.	Perkhidmatan yang cekap, berkesan, berkualiti, selamat, mesra pelanggan menggunakan teknologi sesuai.
Orang awam	Program kesihatan bagi khidmat nasihat, promosi saringan kesihatan dan vaksinasi merangkumi promosi , pendidikan kesihatan, penggalakan dan pencegahan.	Program yang berimpak tinggi, mudah difahami melalui program dan media yang sesuai, spesifik bagi masyarakat tempatan dengan penekanan kepada komunikasi berkesan dan penglibatan semua lapisan masyarakat.
Pemain Industri termasuk perkhidmatan kesihatan swasta, pengilang, pengusaha premis makanan, farmasi	Perkhidmatan Nasihat Teknikal, pelesenan, pendaftaran, pensijilan dan penguatkuasaan.	Perkhidmatan yang cekap, telus dan adil.
Agensi kerajaan dan bukan kerajaan	penerima perkhidmatan konsultasi dan liputan perubatan bagi aktiviti jabatan.	perkhidmatan yang cekap dan responsif kepada kehendak pelanggan.

Dalaman	Keperluan	Jangkaan
Kakitangan kesihatan	perkhidmatan merangkumi pengurusan perkhidmatan kakitangan dari pengambil sehingga persaraan.	perkhidmatan yang cekap, telus dan adil.

2.1.3. PIHAK BERKEPENTINGAN JKWPL: Jadual 2

JADUAL 2: PIHAK BERKEPENTINGAN JKWPL		
Luaran	Keperluan	Jangkaan
Jabatan Perkhidmatan Awam	Pentadbir utama perkhidmatan awam dan punca rujukan.	Perkhidmatan yang cekap, jelas, adil dan berkesan.
Kementerian Kewangan Malaysia	Pentadbir hal kewangan termasuk kawal selia, bajet, polisi, garis panduan, punca rujukan dan arahan kewangan.	Perkhidmatan yang prihatin dan responsif kepada keperluan jabatan kesihatan.
Kementerian Kesihatan Malaysia	Mengawal selia perkhidmatan kesihatan dan sumber bajet, polisi, punca rujukan i dan arahan di peringkat kebangsaan.	perkhidmatan yang cekap, adil, telus, prihatin dan jelas dalam tadbir urus dan kawal selia.
Majlis Pertubuhan Profesional (MMC, MDC dll)	Pendaftaran penuh dan pengeluaran sijil amalan tahunan bagi profesion pengamal kesihatan.	Pengeluaran sijil mengikut tempoh yang ditetapkan dan tindakan undang-undang yang adil bagi pengamal.
Jabatan Kerajaan	Rakan Strategik dalam pelbagai aktiviti samada bantuan nasihat atau teknikal dan sokongan dalam aktiviti kesihatan.	kerjasama yang erat dan perkongsian ilmu dan kemahiran secara efektif dan optima.
Pertubuhan Bukan Kerajaan	Rakan Strategik dalam pelbagai aktiviti yang menyokong perkhidmatan kesihatan dan masyarakat.	Penglibatan yang aktif dan komitmen selari dengan visi dan misi kesihatan.

Pembekal dan kontraktor	Rakan Niaga bagi urusan bekalan, penyelenggaraan dan kerja-kerja.	perkhidmatan bekalan dan kerja-kerja yang kos-efektif, efisien, berkualiti, bertanggungjawab dan memenuhi syarat kontrak.
Panel Kesihatan dan Ahli Lembaga Pelawat Hospital dan Psikiatri	Membantu perkhidmatan kesihatan sebagai pengantara antara masyarakat dengan perkhidmatan kesihatan.	Penglibatan yang aktif dan komitmen selari dengan visi dan misi kesihatan.
Ahli politik	Penasihat, pengantara, pemudahcara dan pemberi bantuan.	kerjasama yang baik demi kebaikan bersama terutamanya kepada pelanggan pesakit.

Dalaman	Keperluan	Jangkaan
Syarikat Kawalan Keselamatan	Perkhidmatan kawalan keselamatan seperti yang ditetapkan.	perkhidmatan yang cekap, bertanggungjawab, telus dan mematuhi syarat-syarat kontrak.
Perkhidmatan Sokongan Kesihatan yang diswastakan /dikontrakkan	Perkhidmatan penyelenggaraan di hospital dan kesihatan oleh syarikat konsesi.	perkhidmatan yang cekap, bertanggungjawab, telus dan mematuhi syarat-syarat kontrak.
Pengusaha kantin	Perkhidmatan kafetaria untuk kakitangan dan pengunjung di kafetaria hospital dan kompleks kesihatan.	penyediaan makanan yang berkualiti, selamat, sihat dan penyediaan premis yang bersih dan teratur serta harga makanan yang berpatutan mengikut syarat kontrak.

2.2. Penjelasan mengenai isu-isu/cabaran-cabaran strategik berdasarkan Analisis Persekitaran.

2.2.1	Faktor Dalaman: Kekuatan (7S)
Strategi	1. Plan Pembangunan induk RMK Kementerian Kesihatan Malaysia dan JKN (jangka masa 5-20 tahun). 2. Agenda Nasional Malaysia Sihat KKM (5 tahun). 3. Visi, Misi dan Objektif KKM dan JKWP Labuan. 4. Pelan Tindakan Strategik dan Pelan Operasi tahunan Jabatan Kesihatan WP Labuan. 5. SKU dan KPI JKWP LABuan (tahunan). 6. Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi JKN WP Labuan (OACP) -5 tahun. 7. Pelan Pengurusan Risiko Jabatan Kesihatan WP Labuan (Tahunan). 8. Pensijilan ISO sebagai garis panduan dan kawalan dalaman tadbir urus JKNWPL (setiap 3 tahun).
Struktur	1. Carta Organisasi dan fungsi tugas setiap bahagian, cawangan, seksyen, jabatan dan unit. 2. Senarai tugas dan portfolio bagi setiap jawatan. 3. Pelbagai Jawatankuasa dengan ahli dari pelbagai portfolio jawatan untuk membantu pengurusan organisasi. 4. Agihan penempatan kakitangan mengikut keperluan dari masa ke semasa.
Sistem	1. Proses kerja menggunakan SOP, Akta, Peraturan, Arahan, Garispanduan dan Pekeliling dari KKM, JPA, MOF dan JKN. 2. Sistem infrastruktur fizikal kemudahan kesihatan yang mencukupi dan mudah diakses oleh orang awam. 3. Sistem rangkaian internet yang meliputi semua kemudahan kesihatan menyokong sistem digital pelbagai sistem pengurusan termasuk pengurusan pesakit, ubat-ubatan, perolehan, pengurusan aset, pengurusan am dan sumber manusia.

Shared Values	1. Budaya Korporat KKM (masyarakat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan). 2. Slogan KKM - 'Kami sedia membantu'. 3. Frasa akhir surat kerajaan Malaysia- 'Saya yang menjalankan amanah'.
Skill	1. Kemahiran khusus kepakaran klinikal, sokongan klinikal dan teknikal. 2. Kemahiran dalam pengurusan am, kewangan, perolehan dan pengurusan aset. 3. Kemahiran dalam komunikasi korporat termasuk pengurusan aduan. 4. Kemahiran dalam bidang pelesenan, pendakwaan, perundangan dan penguatkuasaan.
Stail	1. Sistem hierak bagi tugas spesifik mengikut bidang kuasa untuk tugas jawatan tertentu. 2. Penglibatan dan kolaborasi kakitangan dengan mengamalkan dasar komunikasi terbuka dalam membuat keputusan. 3. Sistem penurunan kuasa yang bersesuaian dari ketua program kepada seksyen/unit berkaitan. 4. Penggunaan jawatankuasa yang diwakili oleh pelbagai jawatan bagi tugas tertentu di luar tugas hakiki.
Staff	1. Ketersediaan kakitangan dengan kemahiran yang sesuai untuk memberi perkhidmatan. 2. Latihan berterusan melalui kursus bengkel, persidangan, Latihan Dalam Perkhidmatan dan kursus pengkhususan khas melalui program latihan kepakaran dan pos basik. 3. Penghargaan bagi anggota kesihatan yang cemerlang melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan penghargaan bagi kakitangan bersara. 4. Pampasan bagi kakitangan yang cedera atau mendapat penyakit pekerjaan semasa bertugas. 5. Ex-gratia bagi keluarga kakitangan yang meninggal dunia. 6. Rawatan percuma bagi kakitangan dan keluarga terdekat di kemudahan kesihatan kerajaan.

2.2.2	Faktor Dalaman: Kelemahan
Strategi	1. Tiada pelan strategik jangka panjang yang menyeluruh di peringkat JKN. 2. Visi dan misi tidak disemak semula sekian lama. 3. Kurang penglibatan masyarakat dalam perancangan dan program kesihatan.
Kesihatan Awam: Pemeriksaan larangan penjualan produk rokok di premis serta penjualan Produk rokok kepada Orang Belum Dewasa (OBD) di bawah Akta 852	Membuat pemeriksaan penguatkuasaan produk merokok oleh premis- premis yang menawarkan produk merokok serta pematuhan terhadap penjualan kepada OBD.	Bilangan diperiksa tahun.	premis setiap	90% 90% 90% 90% 90%	2026 2027 2028 2029 2030	SIP
Kesihatan Awam: Pemantauan pelanggaran iklan produk rokok di semua bentuk media di bawah Akta 842	Memantau pelanggaran iklan melalui semua bentuk media termasuk cara fizikal, papan- papan iklan, penajaan dan media elektronik.	Peratus pelanggaran dikenakan tindakan.		100%	2026 -2030	SIP
Kesihatan Awam: Operasi Bersepadu Undang-Undang Kesihatan Awam (OSKA)	Aktiviti operasi yang melibatkan undang-undang kesihatan awam secara menyeluruh dan melibatkan agensi luar yang ada terlibat secara langsung termasuk Perbadanan Labuan, KPDN, PDRM dan Kastam.	Bil Operasi dilaksanakan setiap tahun.		12 12 12 12 12	2026 2027 2028 2029 2030	SIP

Farmasi: Penguatkuasaan penjualan dan pengiklanan di Media Baharu di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.	Penguatkuasaan yang mengguna pakai garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM melibatkan penjualan dan pengiklanan produk tidak berdaftar dan campur palsu (adulterated) di media baharu.	Bilangan siasatan kes baru tahunan melibatkan penjualan dan pengiklanan produk tidak berdaftar dan campur palsu (adulterated) di media dalam talian (online media).	2 2 3 3 4	2026 2027 2028 2029 2030	CPF, BPF
Farmasi: Penguatkuasaan pematuhan pengiklanan produk kesihatan dan perkhidmatan di WP Labuan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956	Meningkatkan kepatuhan terhadap iklan berkaitan produk kesihatan dan perkhidmatan berdasarkan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.	Peratus iklan yang disiarkan mematuhi Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Bilangan iklan yang mematuhi Akta Ubat/ Bilangan iklan yang disaring).	70% 75% 80% 85% 90%	2026 2027 2028 2029 2030	CPF, BPF
Farmasi: Penguatkuasaan pemeriksaan ke atas premis menjual produk tidak berdaftar dan campur palsu serta kosmetik tidak bernoifikasi di WP Labuan di bawah Akta Racun 1952 dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956	Memastikan premis penjualan, pembekalan dan pemilihan produk dan kosmetik di WP Labuan diperiksa dan mematuhi peruntukan undang-undang.	Peratus pemeriksaan premis yang berurusan dengan produk kesihatan dan kosmetik di seluruh Labuan. Target 100% dalam 5 tahun.	20% 20% 20% 20% 20%	2026 2027 2028 2029 2030	CPF, BPF

BKKM: Pematuhan Import Makanan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan di bawahnya	Memastikan makanan yang diimport ke negara ini adalah selamat dan mematuhi segala peruntukan dalam Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturanya. Aktiviti kawalan makanan import yang dijalankan pemeriksaan dan persampelan konsainan makanan serta aktiviti penguatkuasaan seperti penahanan, penarikan balik, penolakan, pendakwaan, pemusnahan konsainan yang melanggar konsainan yang perundangan makanan.	Peratus dokumen pengimportan yang diperiksa.	100%	2026-2030	SPDI, BKKM
---	---	---	-------------	------------------	-----------------------

MEMPERKUKUH KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KESIHATAN UNTUK MENJAMIN KESEJAHTERAAN BERTERUSAN					
STRATEGI 2					
Meningkatkan pemberian pengiktirafan kepada premis yang memenuhi piawai yang ditetapkan oleh Undang-undang, peraturan dan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia					
PROGRAM	KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
BKKM: Program Pensijilan Keselamatan Makanan Tanggungjawab Industri (MeSTI)	Premis pengilangan makanan akan dibimbing dalam membangun dan melaksanakan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) bagi memastikan produk yang dihasilkan tidak memudaratkan pengguna, produk makanan lebih berdaya saing di pasaran dan memenuhi keperluan perundangan.	Peratus pengilangan makanan mendapat Pensijilan MeSTI.	100%	2026-2030	SPIKE, BKKM
BKKM: Program Premis Makanan Bersih	Bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pengguna dengan memastikan premis mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.	Bilangan premis makanan yang mendapat Gred A pada tahun semasa.	>75% >75% >80% >80% >85%	2026 2027 2028 2029 2030	SPDI, BKKM

MEMPERKUKUH KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KESIHATAN UNTUK MENJAMIN KESEJAHTERAAN BERTERUSAN						
STRATEGI 3						
Meningkatkan pematuhan undang-undang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan						
PROGRAM	PERIHAL/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUS)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	TINDAKAN	
Semua Bahagian: Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994)	Menjalankan audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan secara berkala.	Peratus fasiliti yang mematuhi >90% senarai semak audit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.	100%	2026-2030	Semua Bahagian	
Semua Bahagian: Pematuhan kepada pendaftaran profesion kesihatan di bawah lembaga atau majlis profesion masing-masing	Pendaftaran profesion kesihatan diwajibkan bagi semua profesion klinikal termasuk kakitangan kesihatan bersekutu bagi memastikan kakitangan dapat mengamalkan profesion masing-masing. Ini termasuk doktor, jururawat, penolong pegawai perubatan, pegawai farmasi, pegawai pergigian dan kakitangan kesihatan bersekutu.	Peratus kakitangan yang mempunyai sijil amalan tahunan yang sah dalam tahun semasa.	100%	2026-2030	Semua Bahagian	

Kesihatan Awam: Program kesedaran dan <i>Educational Enforcement</i> penguatkuasaan Kesihatan Awam (Ceramah / hebahan Awam / hebahan Media)	Program bagi memupuk masyarakat sentiasa cakna akan undang-undang kesihatan awam kepada golongan sasaran dan perkongsian melalui media massa dan platform media sosial yang bersesuaian.	Bilangan program pendidikan kesedaran dalam setahun	24 24 24 24 24	2026 2027 2028 2029 2030	SIP
Pengurusan: Pemilikan Kad Hijau CIDB	CIDB memerlukan pegawai yang memasuki tapak binaan untuk memiliki Kad Hijau CIDB di bawah Akta 520, iaitu Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994.	Bilangan kakitangan yang memiliki Sijil CIDB Pembangunan Kejuruteraan	2 4	2027	Pembangunan Kejuruteraan

TERAS STRATEGIK 4 (TADBIR URUS)

Memperkasa keberkesanan tadbir urus organisasi dan pembangunan kompetensi sumber manusia untuk penyampaian perkhidmatan kesihatan yang optimum kepada masyarakat

RINGKASAN TERAS STRATEGIK 4

TERAS STRATEGIK 4	MEMPERKASA KEBERKESANAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEBANGUNAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA UNTUK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG OPTIMUM KEPADA MASYARAKAT	
Strategi 1	Memperkukuhkan struktur organisasi jabatan kesihatan	81 - 83
Strategi 2	Meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan	84 - 88
Strategi 3	Memantapkan pengurusan kewangan dan perolehan	89 - 90
Strategi 4	Memantapkan pengurusan bangunan dan aset kerajaan	91 - 91
Strategi 5	Meningkatkan pendigitalan sistem pengurusan kesihatan	92 - 93

TERAS 4	MEMPERKASA KEBERKESANAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEBANGUNAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA UNTUK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG OPTIMUM KEPADA MASYARAKAT				
	Memperkuhkan Struktur Organisasi Jabatan Kesihatan				
STRATEGI 1					
PROGRAM	KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Semua Bahagian: Pengemaskinian Struktur Organisasi secara berkala	Struktur Organisasi Jabatan adalah penting untuk mencapai misi dan visi jabatan dengan menyediakan rangka yang jelas bagi tugas dan tanggungjawab setiap kakitangan, aliran pelaporan dan komunikasi efektif, rangkaian arahan dan kuasa membuat keputusan. Ini akan melancarkan proses kerja, agihan sumber yang lebih baik, akauntabiliti yang jelas dan kebolehsesuaian untuk pembangunan di masa depan.	Peratus Pengemaskinian carta organisasi sebanyak sekurang-kurang satu kali setahun bagi setiap bahagian, jabatan, seksyen dan unit.	100%	2026-2030	Ketua Jabatan setiap Bahagian
Semua Bahagian: Pengisian Jawatan Secara Keseluruhan	Penetapan keperluan jawatan dibuat oleh Jabatan dan diluluskan oleh agensi pusat. Pengisian jawatan juga bergantung kepada agensi pusat melalui justifikasi dan ketersediaan sumber manusia. Peratus pengisian tahun 2025: 90% adalah tahap minimum kefungsiorganisasi untuk memberi perkhidmatan.	Peratus pengisian jawatan setiap tahun.	90% 90% 92% 92% 95%	2026 2027 2028 2029 2030	Sumber Manusia, JKNWPL

Semua Bahagian: Pengisian Jawatan mengikut myPortfolio	Organisasi yang efektif dan berkesan mempunyai kakitangan yang melaksanakan tugas mengikut kelayakan dan kemahiran yang berpatutan.	Peratus pengisian jawatan mengikut myportfolio yang betul	95% 95% 98% 98% 99%	2026 2027 2028 2029 2030	Pengurusan Setiap Bahagian
Pengurusan: Naiktaraf Jawatan Pengurusan tertinggi di JKNWPL	JKNWPL mendapat status negeri pada tahun 2002 dan jawatan bagi pengurusan tertinggi masih dalam gred rendah. Cadangan naik taraf jawatan:- PKN : Gred 14 → Jusa C TPKN(U) : Gred 12 → Gred 13 TPKN (G) : Gred 14 → Gred 15 TPKN(BKKM) : Gred 10- Gred 12	Bilangan permohonan dihantar setiap tahun sehingga mendapat kelulusan	2	2026-2030	Sumber Manusia, JKNWPL
Perubatan: Pewujudan Jawatan untuk CKAPS Labuan	CKAPS adalah unit di bawah program perubatan yang membuat kawal selia dan penguatkuasaan bagi kemudahan kesihatan swasta. Tiada waran jawatan bagi Unit ini dan terpaksa menggunakan jawatan hospital.	Bilangan jawatan yang dipohon di bawah waran perjawatan CKAPS setiap tahun sehingga mendapat kelulusan daripada agensi pusat	MO-1 PPP-1 KJ-1 PKB-1	2026-2030	Perubatan
Perubatan: Pewujudan jawatan untuk Perkembangan Perubatan dan Kualiti	Perkembangan perubatan dan kualiti bertanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan klinikal dan program perubatan pada keseluruhannya berjalan dengan lancar selari dengan halatuju KKM.	Bilangan jawatan yang dipohon di bawah waran perjawatan Perubatan setiap tahun sehingga mendapat kelulusan daripada agensi pusat	MO-1 KJ-2 PPP-2	2026-2030	Perubatan

Perubatan: Pewujudan jawatan bagi pengurusan tertinggi di Hospital Labuan	Penstrukturan semula Hospital Labuan meletakkan ianya pada status hospital pakar minor negeri dan layak mendapat Timbalan Pengarah Hospital Perubatan(P) dan Pengurusan(U).	Bilangan jawatan yang dipohon di bawah waran perjawatan Hospital Labuan setiap tahun sehingga mendapat kelulusan daripada agensi pusat.	TPH (P)-1 TPH(U)-1	2026-2030	Sumber Manusia, JKNWPL
Kesihatan Awam: Penambahan Jawatan bagi program sedia ada	Mengukuhkan perjawatan di fasiliti Kesihatan Bahagian Kesihatan Awam untuk memberi perkhidmatan yang lebih mantap dan berkesan.	Bilangan jawatan yang dipohon setiap tahun sehingga kelulusan diperolehi dari agensi pusat.	Pegawai dietetik U9-1 PF UF9- 4 PKP U9- 1 PPKP U5 - 3 PJK U9-1 PPP U5 -2 PPP U9 -1 PSP C10-1 Jurutera Awam J9-1	2026-2030	SPKA Sumber Manusia, JKWPL

MEMPERKASA KEBERKESANAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA UNTUK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG OPTIMUM KEPADA MASYARAKAT					
TERAS 4	Meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan				
STRATEGI 2	Meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan				
PROGRAM	PERIHAL/ KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Kesihatan Awam: Program Latihan Pos-basik bagi anggota kesihatan Bahagian Kesihatan Awam	Pelaksanaan Latihan yang terancang dan sistematik bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai dalam penyampaian perkhidmatan melalui program post basik sehingga mencapai sasaran dalam 5 tahun: 1. Kawalan infeksi- 2 2. Public Health Nurse-4 3. Kesihatan Primer-1 4. Diabetic educator- 2 5. Palliative care nurse 1 6. Wound care - 2 7. Geriatric -1 8. Kawalan Penyakit – 2	Bilangan pos-basik yang dipohon setiap tahun sehingga kelulusan diperolehi dari Bahagian Pengurusan Latihan KKM. i. Kawalan infeksi- ii. Public Health Nurse iii. Kesihatan Primer iv. Diabetic educator v. Palliative care nurse vi. Wound care vii. Geriatric viii. Kawalan Penyakit	2 4 1 2 1 2 1 2	2026-2030	SPKK SPKA

Farmasi: Latihan Pengurusan Ubat Psikotropik di Hospital Labuan	Latihan Pengurusan Ubat Psikotropik. - CME garis panduan - Hands on cara merekod penerimaan dan penggunaan	a) Peratus penyelia wad/unit dilatih b) Peratus PPP dan SN dilatih (di wad/unit yang mengendalikan ubat psikotropik)	100% ≥ 75%	2026 2026-2030	Farmasi Pesakit Dalam Farmasi Pesakit Dalam
Farmasi: Latihan Keselamatan Pengubatan	Latihan Keselamatan Pengubatan bagi kakitangan baru dilaksanakan untuk memastikan kemahiran dan pengetahuan kakitangan sentiasa pada tahap yang optimum dan terkini.	Peratus Jumlah anggota kesihatan dilatih dengan modul keselamatan pengubatan dalam tempoh 6 bulan melapor diri setiap tahun.	100%	2026-2030	Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat
Farmasi: <i>Training Road Map (TRM)</i> bagi Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi WP Labuan	Penghasilan TRM bagi meningkatkan kecekapan, pengetahuan dan kemahiran teknikal secara sistematik mengikut tahap perkhidmatan dan peranan semasa.	Bilangan TRM dihasilkan dan dikemaskinikan setiap tahun a) Asas (0-2 tahun) b) Pertengahan (3- 5 tahun) c) Lanjutan (>5 tahun) d) Kepakaran	1 1 1 1	2026-2030	BPF

Farmasi: Kajian Semakan semula keberkesanan TRM	Satu pembentukan penilaian keberkesanan TRM berdasarkan analisis kuantitatif dan kualitatif.	Bilangan kajian dihasilkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Program Farmasi peringkat negeri	1	2028	BPF
Farmasi: Latihan Kepimpinan Farmasi	Membentuk barisan kepimpinan farmasi dalam pengurusan perkhidmatan farmasi di pelbagai unit. Fokus kepada Pegawai Farmasi gred UF10 ke atas dan PPF gred U6 ke atas Latihan berasaskan: 1. Teambuilding 2. Softskill training	Bengkel latihan kepimpinan dijalankan setiap tahun	1 1 1 1 1	2026 2027 2028 2029 2030	BPF
Farmasi: Penilaian Prestasi Kepimpinan PF dan PPF	Menilai keberkesanan dan gaya kepimpinan pemimpin unit farmasi melalui maklum balas kakitangan, bagi tujuan pemantauan prestasi dan pembangunan kepimpinan yang berterusan.	Bilangan Penilaian dijalankan dan penambahbaikan dijalankan	1	2026-2030	BPF

Farmasi: Latihan Anggota Farmasi dengan Pengendalian Kecemasan Asas	Meningkatkan kemahiran anggota farmasi dalam pengendalian kecemasan atau bencana. Modul: CPR (Basic Life Support), penggunaan AED, peranan farmasi dalam Rapid Response Team.	Bilangan latihan khas bersama Unit Kecemasan / ICU	1	2026-2030	BPF
Pengurusan: Champion dalam kemahiran tertentu	Peningkatan pengetahuan dan kemahiran diperlukan untuk mencapai matlamat organisasi. Kebanyakan kemahiran ini berpunca dari kelayakan asas pegawai, namun beberapa kemahiran yang khusus diperlukan untuk memenuhi keperluan semasa dan akan datang seperti pengaturcaraan sistem, reka bentuk grafik, kecerdasan buatan (AI), pengauditan dan pelbagai bidang lain yang dapat menyokong transformasi serta keberkesanan organisasi.	Bilangan champion yang dihasilkan dalam 5 tahun 1. AI Prompting Expertise 2. MS ISO Auditor 3. AI for creative design 4. Google Certified Trainer 5. Digital Programmer	10 5 10 10 2	2026-2030	Pengurusan

Pergigian: Program Pensijilan <i>Certified Smoking Cessation Service Provider (CSCSP)</i>	Memperkukuh pencegahan & pemberhentian merokok dalam Program Pencegahan dan Berhenti Merokok	Peratus pegawai lantikan tetap mendapat Pensijilan <i>Certified Smoking Cessation Service Provider (CSCSP)</i> setiap tahun.	20% 20% 20% 20% 20%	2026 2027 2028 2029 2030	Pergigian
---	--	---	---------------------------------	--------------------------------------	-----------

TERAS 4	MEMPERKASA KEBERKESANAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA UNTUK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG OPTIMUM KEPADA MASYARAKAT				
STRATEGI 3	Memantapkan pengurusan kewangan dan perolehan				
PROGRAM	KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Semua Bahagian: Pemantauan Prestasi perbelanjaan kewangan	Prestasi kewangan yang baik mencerminkan semua proses kewangan yang meliputi perancangan, perolehan dan pembayaran yang mematuhi proses kewangan. Hanya menunjukkan proses kewangan yang terancang dan pembayaran mengikut tempoh yang ditetapkan.	Peratus perbelanjaan peruntukan oleh setiap seksyen mengikut perancangan tahunan.	>95%	2026-2030	Pengurusan Kewangan semua bahagian
		Peratus pembayaran dalam tempoh 14 hari	100%	2026-2030	
		Peratus pembayaran di bawah AP58a berkurangan setiap tahun	<5%	2026-2030	

Perubatan: Pemantapan Kutipan Bil Pesakit Hospital	Jumlah tunggakan bil pesakit terutamanya dari kalangan pesakit bukan warganegara adalah sangat tinggi. Ini menunjukkan ketidakcekapan dari bahagian hasil kerajaan untuk melaksanakan tugas tanpa menjejaskan kesihatan pesakit.	Peratus kutipan hasil setiap tahun	50% 60% 70% 80% 85%	2026 2027 2028 2029 2030	Unit Hasil Hospital Labuan
Pengurusan: Pemantapan Kawalan Kontrak Kerajaan	Dalam pelaksanaan kontrak kerajaan masih terdapat kontrak yang tamat tempoh sebelum kontrak baru dimuktamadkan. Ini menyebabkan perkhidmatan atau bekalan terjejas, kontrak sementara dibuat atau kontrak tambahan perlu dilaksanakan. Ini menunjukkan pengurusan dan pemantauan kontrak yang tidak cekap.	Peratus Kontrak yang dimuktamadkan sebelum tamat kontrak lama.	90% 90% 95% 97% 100%	2026 2027 2028 2029 2030	Bahagian Perolehan JKNWPL

TERAS 4	MEMPERKASA KEBERKESANAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA UNTUK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG OPTIMUM KEPADA MASYARAKAT				
STRATEGI 4	Memantapkan pengurusan bangunan dan aset kerajaan				
PROGRAM	KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Kesihatan Awam: Pengumpulan data bagi pelaporan pelepasan karbon di fasiliti kesihatan (Greenhouse Gases (GHG))	Kenalpasti <i>emission sources</i> yang berkaitan dengan fasiliti kesihatan.	Bilangan laporan setahun	1 1 1 1 1	2026 2027 2028 2029 2030	Seksyen Kejuruteraan
Pengurusan: Laporan Kajian keberkesanan projek pembangunan	Memastikan pembangunan mengikut kepada keperluan Jabatan / stakeholder. Memastikan keperluan penambahbaikan pada hasil akhir projek pembangunan berkurang setiap tahun.	Bilangan Laporan	5	2026-2030	Seksyen Kewangan

TERAS 4	MEMPERKASA KEBERKESANAN TADBIR URUS ORGANISASI DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA UNTUK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG OPTIMUM KEPADA MASYARAKAT				
STRATEGI 5	Meningkatkan penggunaan sistem digital dalam pengurusan				
PROGRAM	KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN SASARAN	TINDAKAN
Semua Bahagian: Pembangunan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS)	Menyediakan perkhidmatan pengurusan rekod mengikut kitaran hayat rekod Kerajaan bermula dari perwujudan, penyimpanan, penyenggaraan dan pelupusan rekod secara elektronik.	Peratus Penggunaan Pencapaian Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS).	100%	2028	Pentadbiran/ ICT
Semua Bahagian: Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Stok	menyediakan sistem pengurusan digital pengurusan stok untuk memudahkan pendaftaran, pengeluaran dan pemantauan serta penyediaan laporan berkala.	Peratus pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Stok.	100%	2026	Unit Aset/ ICT
Semua Bahagian: Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Aset	menyediakan sistem pengurusan digital pengurusan aset untuk memudahkan pendaftaran hingga pelupusan aset.	Peratus pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Stok.	100%	2026	Unit Aset/ ICT

Pengurusan: Pembangunan Sistem Pemantauan Perolehan	Menyediakan pemantauan proses perolehan dari penyediaan kerta kerja sehingga selesai kontrak.	Peratus pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Stok.	100%	2027	Unit Perolehan/ICT
Kesihatan Awam: Pembangunan Sistem Pemantauan Penguatkuasaan di Seksyen Inspektorat dan Penguatkuasaan (SIP)	Pemantauan Proses Kerja Penguatkuasaan sehingga pendakwaan menggunakan sistem manual. Keperluan untuk mendapatkan status terkini dalam laporan berkala tidak cekap dan kurang tepat. Sistem digital sedang dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan data dan pemantauan proses kerja.	Peratus Penggunaan Sistem Pemantauan Penguatkuasaan.	100%	2027	SIP/ICT
Pengurusan: Penggunaan sistem pemantauan rangkaian, Keselamatan dan kemudahan ICT	Penggunaan sistem pemantauan rangkaian bagi memastikan operasi ICT berjalan lancar, selamat dan berkesan. Ia merangkumi aspek keselamatan siber, penyelenggaraan kemudahan ICT serta pemantauan masa nyata untuk mengenal pasti, mencegah dan menangani sebarang isu teknikal atau ancaman keselamatan dengan lebih proaktif.	Penggunaan sistem pemantauan rangkaian bagi meningkatkan tahap Keselamatan ICT.	2 sistem	2027 - 2029	ICT

TERAS STRATEGIK 5 (PERKONGSIAN PINTAR)

Memperkukuhkan jaringan Kerjasama dengan pelbagai pihak dalam aktiviti penyampaian perkhidmatan kesihatan

RINGKASAN TERAS 5

TERAS STRATEGIK 5	MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA DENGAN PELBAGAI PIHAK DALAM AKTIVITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN	
Strategi 1	Meningkatkan penglibatan kesihatan bersama komuniti dalam program kesihatan	96 - 97
Strategi 2	Memperkasa agensi luar dalam penganjuran program kesihatan	98 - 98

MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA DENGAN PELBAGAI PIHAK DALAM AKTIVITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN							
Meningkatkan penglibatan kesihatan bersama komuniti dalam program kesihatan							
TERAS 5	STRATEGI 1	PROGRAM	KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN	TINDAKAN
		Pergigian: Program Doktor Muda	Program melibatkan murid sekolah yang dilatih untuk menjadi pembimbing rakan sebaya dalam aspek kesihatan pergigian.	Peratus penglibatan Doktor Muda yang mempunyai aktiviti pergigian.	100%	2026-2030	Pergigian
		Pergigian: Program Kolaborasi Strategik Kesihatan Pergigian	Kolaborasi bersama pemegang taruh inter dan intra agensi dengan pencapaian peningkatan 5 agensi luar setiap tahun.	Bilangan penambahan kolaborasi bersama agensi luar setiap tahun	+5 +5 +5 +5 +5	2026 2027 2028 2029 2030	Pergigian
		Kesihatan Awam: Sesi libat urus Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)	Mewujudkan Jalinan kerjasama rakan strategik dalam pelaksanaan aktiviti Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan BMSS	Bilangan sesi libat urus bersama rakan strategik kesihatan setiap tahun	2 2 2 2 2	2026 2027 2028 2029 2030	Seksyen Promosi Kesihatan
		Kesihatan Awam: Kawalan wabak bersama komuniti	Memastikan semua wabak penyakit berjangkit dapat dikawal dalam tempoh yang ditetapkan melalui kerjasama komuniti dan agensi luar	Peratus wabak terkawal dalam tahun semasa	100%	2026 -2030	Seksyen Kawalan Penyakit

BKKM: Program kolaborasi bersama pihak industri bagi mempromosikan mesej keselamatan makanan	Merupakan usaha dalam mewujudkan sistem makanan yang lebih selamat, mampan dan bertanggungjawab terutama dalam kalangan industri makanan melalui penganjuran program seperti ceramah keselamatan makanan, sesi dialog dua hala antara industri dan penguatkuasa dan lain-lain.	Bilangan bersama industri program dalam setahun	1 1 1 1 1	2026 2027 2028 2029 2030	SPIKE DAN SKK, BKKM
BKKM: Program kolaborasi bersama pihak berkepentingan bagi mempromosikan mesej keselamatan makanan.	Memastikan mesej keselamatan makanan bukan sahaja sampai kepada masyarakat, tetapi juga disokong oleh data saintifik, kepakaran teknikal, dan pelaksanaan dasar yang menyeluruh dengan kerjasama • Jabatan Kimia Malaysia • Makmal Kesihatan Awam • Makmal Keselamatan Dan Kualiti Makanan • Jabatan Pertanian • Jabatan Perpaduan • Jabatan Pendidikan • IPTA / IPTS	Bilangan program kolaborasi setahun	3 3 3 3 3	2026 2027 2028 2029 2030	SKK, BKKM

TERAS 5	MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA DENGAN PELBAGAI PIHAK DALAM AKTIVITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN				
STRATEGI 2	Memperkasa agensi luar dalam penganturan program kesihatan				
PROGRAM	KETERANGAN PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TAHUN	TINDAKAN
Kesihatan Awam: Program Kospen WOW di agensi kerajaan dan swasta	Mengalakkan kebolehcapaian saringan pekerja di agensi kerajaan dan swasta melalui Program Kospen WOW	Bilangan kerajaan swasta melaksanakan saringan pekerja dalam setahun	3 >3 >3 >3 >3	2026 2027 2028 2029 2030	Seksyen Kawalan Penyakit
Farmasi: Program Kempen Tolak Ubat Tidak Sah (TOBaTS) dengan Penglibatan Pelbagai Sektor/Agensi	Penglibatan dengan pemegang taruh untuk berkongsi informasi melalui program kempen Tolak Ubat Tidak Sah (TOBaTS)	Bilangan pemegang taruh baru yang melaksanakan aktiviti kesedaran atau libat urus	2 >2 >2 >2 >2	2026 2027 2028 2029 2030	CPF, BPF

BAB 4.0 : STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

1.0 Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti

1.1 Strategi:

1.1.1 Memantapkan amalan tadbir urus, integriti dan ketelusan.

1.1.2 Mengurangkan risiko penyelewengan, salah guna kuasa dan ketidakpatuhan.

1.2 Tindakan:

1.2.1 Melaksanakan sistem pemantauan dalaman berasaskan teknologi (audit digital, spot-me, mygovevent dan lain-lain).

1.2.2 Menambah baik mekanisme pelaporan salah laku dan perlindungan pemberi maklumat.

1.2.23 Mewujudkan modul latihan integriti berkala untuk semua warga jabatan.

2.0 Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan

2.1 Strategi:

2.1.1 Menjamin akses kesihatan yang adil, cekap dan mesra pelanggan.

2.1.2 Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan klinikal dan kesihatan awam.

2.2 Tindakan:

2.2.1 Meluaskan capaian perkhidmatan kesihatan primer melalui tele kesihatan dan klinik bergerak.

2.2.2 Mempertingkatkan standard Hospital Labuan ke arah hospital rujukan serantau.

2.2.3 Melaksanakan program kualiti berterusan (MSQ dan Akreditasi) di semua fasiliti kesihatan.

3.0 Pembangunan Modal Insan dan Kepimpinan

3.1 Strategi:

3.1.1 Membina warga kerja berkompentensi tinggi, beretika dan inovatif.

3.1.2 Menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

3.2 Tindakan:

3.2.1 Menyediakan pelan pembangunan kerjaya dan latihan khusus mengikut bidang kepakaran.

3.2.2 Mengintegrasikan sistem penilaian prestasi berasaskan hasil (KPI & MyPerformance).

3.3.3 Melaksanakan program kepimpinan dan bakat muda untuk pewaris organisasi.

4.0 Transformasi Digital dan Inovasi

4.1 Strategi:

4.1.1 Memodenkan sistem kesihatan melalui teknologi digital dan data raya.

4.1.2 Menggalakkan budaya inovasi dan R&D kesihatan.

4.2 Tindakan:

4.2.1 Mengimplementasi Sistem Kesihatan Digital WP Labuan (rekod pesakit elektronik, AI kesihatan).

4.2.2 Menggalakkan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan (health apps, kiosk kesihatan pintar).

4.2.3 Bekerjasama dengan universiti, industri dan komuniti dalam projek R&D kesihatan.

5.0 Kesediaan Kecemasan dan Ketahanan Kesihatan

5.1 Strategi:

5.1.1 Memastikan kesiapsiagaan menghadapi bencana, wabak dan isu kesihatan awam.

5.1.2 Memperkukuh koordinasi antara agensi berkaitan.

5.2 Tindakan:

5.2.1 Menyediakan Pelan Kontingensi Kecemasan Kesihatan WP Labuan.

5.2.2 Melatih pasukan respons pantas (Rapid Response Team) dengan modul terkini.

5.2.3 Memastikan stok peralatan dan ubat kecemasan mencukupi.

6. Penglibatan Komuniti dan Promosi Kesihatan

6.1 Strategi:

6.1.1 Memperkukuh peranan komuniti dalam penjagaan kesihatan sendiri.

6.1.2 Meningkatkan kesedaran awam mengenai pencegahan penyakit.

6.2 Tindakan:

6.2.1 Melaksanakan kempen kesihatan komuniti secara berkala (NCD, mental health, gaya hidup sihat).

6.2.2 Menggalakkan perkongsian pintar dengan NGO, swasta dan komuniti setempat.

6.2.3 Memperluas program kesukarelawanan kesihatan di peringkat akar umbi.

7. Kelestarian Sumber dan Persekitaran

7.1 Strategi:

7.1.1 Mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan, tenaga kerja dan fasiliti.

7.1.2 Menggalakkan amalan mesra alam dalam operasi kesihatan.

7.2 Tindakan:

7.2.1 Memperkukuhkan inisiatif Go Green for Healthcare Facility (pengurusan sisa, tenaga boleh baharu).

7.2.2 Menambah baik sistem perolehan dan pengurusan aset jabatan.

7.2.3 Memastikan keberkesanan bajet melalui pemantauan outcome-based budgeting.

BAB 5.0 : IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

Elemen Penentu Kejayaan

Elemen Penentu Kejayaan adalah penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan strategi dan program di dalam Pelan Tindakan Strategik JKWPL 2026-2030. Di antara elemen penentu kejayaan yang telah dikenalpasti ialah:

1. Komitmen daripada Pengurusan Atasan

Komitmen Pengurusan Atasan adalah amat penting dan merupakan penentu kejayaan bagi memastikan sesuatu aktiviti serta program dapat dicapai berdasarkan strategi yang telah ditetapkan.

2. Peruntukan Kewangan

Faktor kejayaan aktiviti dan program yang dirangka bergantung kepada peruntukan kewangan agar dapat mencapai sasaran serta outcome yang ditetapkan.

3. Modal Insan yang Kompeten

Tumpuan kepada pembangunan modal insan dengan peningkatan ilmu serta kemahiran melalui konsep pembelajaran berterusan seperti CME, kursus dan latihan.

4. Pembudayaan Tadbir Urus yang Cekap

Memastikan kakitangan JKWPL mematuhi dasar, peraturan kerja, pengurusan kualiti, piagam pelanggan, kod etika, prinsip dan amalan kerja terbaik bagi memastikan budaya kerja cekap diwujudkan.

5. Memperkasa Sistem ICT

Perubahan cara kerja berteraskan ICT bagi meningkatkan serta melahirkan warga kerja JKWPL yang lebih efisien selain memudahkan proses kerja sedia ada.

6. Kolaborasi bersama Rakan Strategik

Kolaborasi dan kerjasama dengan rakan strategik bagi merealisasikan program dalam Pelan Tindakan Strategik ini.

BAB 6.0 : PENUTUP

Pelan Tindakan Strategik 2026–2030 Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan ini menjadi panduan dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan, serta memperkasa komuniti ke arah kehidupan yang lebih sihat. Segala strategi dan tindakan yang digariskan adalah usaha kolektif untuk menjadikan Labuan sebagai “Pulau Sihat”, di mana rakyatnya menikmati akses kesihatan yang adil, seimbang dan berdaya tahan.

Dengan sokongan padu seluruh warga jabatan, rakan strategik dan masyarakat, kita yakin bahawa menjelang 2030, Labuan bukan sahaja menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dan sosial, tetapi turut dikenali sebagai sebuah pulau yang sihat, sejahtera dan lestari demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

BAB 7.0 : PENGHARGAAN

7.1 Dengan penuh penghargaan, pihak jabatan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua individu dan pasukan yang telah memberikan komitmen, kepakaran dan kerjasama sepanjang proses penyediaan Pelan Tindakan Strategik ini.

7.2 Setulus apresiasi ditujukan kepada:

- i. **YBrs Dr.Francis Paul**
Pengarah Kesihatan Negeri
- ii. **YBrs Encik Jonathan Freddy P.Bagang**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
- iii. **YBrs Dr.Valentine @Japulee bin Gantul**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
- iv. **YBrs Dr. Zurina Asiah binti Musa**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
- v. **YBrs Tuan Haji Ridhwan bin Abdullah**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
- vi. **YBrs Dr.Noorharizan binti Harun**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
- vii. **YBrs Puan Syazwanie binti Md Hilmie**
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Keselamatan dan Kualiti Makanan)
- viii. **YBrs Dr.Adnan Musa bin Balidran**
Pengarah Hospital Labuan

7.3 Setulus apresiasi dan penghargaan dirakamkan kepada:

- i. **Puan Veronica Chin Moi Ching**
Perunding Kanan Latihan
Institut Tadbiran Awam Kampus Sabah (INTAN Sabah)
- ii. **Puan Vivian Nazarius**
Pegawai Tadbir
Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah

atas bimbingan serta panduan yang telah diberikan dalam menjayakan penyediaan Pelan Tindakan Strategik Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2026 – 2030.

- 7.4 Sekalung penghargaan dirakamkan atas sumbangan idea dan input dalam penyediaan Pelan Tindakan Strategik kepada:

7.4.1 Bahagian Pengurusan

- i. Puan Shareen Meliko
- ii. Encik Shahrizan bin Abd Aziz
- iii. Encik Damron Sadih
- iv. Tuan Haji Mohd Fais bin Ismail
- v. Encik Kamil bin Pudín
- vi. Puan Farida Jilis
- vii. Tuan Haji Hj Idyirwan bin mohd Idris
- viii. Encik Salman bin Saham
- ix. Encik Mohamad Hairolny bin Mohamad Jappar

7.4.2 Bahagian Kesihatan Awam

- i. Dr. Mohd Zaki bin Ab Hamid
- ii. Dr. Mohd Hafizuddin bin Ahmad
- iii. Dr. Viviane Vincy Lodin
- iv. Dr. Azrah binti Hamzah
- v. Puan Ho Shu Fen
- vi. Ts. Mohammad Hilmi bin Mustapha
- vii. Puan Agnes Misun
- viii. Puan Izyan Nadirah binti Sabri

7.4.3 Bahagian Kesihatan Pergigian

- i. Dr. Yii Siew Hie
- ii. Dr. Siti Hajar binti Awang
- iii. Dr. Siti Aishah Binti Abu Bakar
- iv. Dr. Faireza binti Asmat
- v. Dr Fasiah Binti Asin
- vi. Matron Roslinah Binti Mohd Kassim

7.4.4 Bahagian Farmasi

- i. Encik Heriman bin Mahali
- ii. Puan Michelle L Tan
- iii. Puan Siti Nadiah binti Dahlan

7.4.5 Bahagian Perubatan

- i. Dr. Nur Athifah binti Baharuddin
- ii. Dr. Faizudin Hafifi bin Maskam
- iii. Matron Roseminah Peter
- iv. Tuan Haji A.Ishak bin Rahmat
- v. Puan Zuraini Binti Tajudin
- vi. Encik Wan Aszmeelrolzaman Bin Ahmad

7.4.6 Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

- i. Encik Aeddy Lubin
- ii. Puan Nurul Natasha Binti Zaifulhizam
- iii. Encik Samsuddin Bin Amin
- iv. Puan Mariam Binti Barharudin

7.4.7 Hospital Labuan

- i. Dr. Ishvinder Singh Parmar
- ii. Encik Mohd Fazlieman bin Gurahman
- iii. Dr. Muhammad Faiz bin Mohd Ali
- iv. Dr. Mohd Khairil Anwar Bin Ramli
- v. Puan Ashrafinah Binti Ahmad
- vi. Dr Muhammad Aiman bin Adnan
- vii. Encik Aminuddin Bin Mat Amin
- viii. Encik Ooi Heng Yue
- ix. Matron Vera Enggam

7.4.8 Semua Ahli Jawatankuasa Penyediaan Pelan Tindakan Strategik yang telah menyumbangkan masa, tenaga dan idea dalam merangka hala tuju jabatan. Semua Ketua-ketua Unit/Seksyen yang telah menyalurkan maklumat, data serta input strategik yang amat bernilai. Semua warga Jabatan Kesihatan yang sentiasa memberikan sokongan dalam memastikan pelan ini realistik, relevan dan selari dengan keperluan semasa. Semua rakan-rakan strategik serta agensi luar yang turut menyumbang pandangan bagi memperkukuh perancangan ini. Penghargaan ini turut ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan dokumen ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Semoga Pelan Tindakan Strategik ini menjadi panduan bersama dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan dan mencapai matlamat jabatan ke arah kecemerlangan organisasi.

Terima kasih.

KONSEP ASAL, SEMAKAN DAN EDITOR

Dr.Francis Paul
Pengarah Kesihatan Negeri

PEMBACA PRUF

Encik Jonathan Freddy P.Bagang
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

SUNTINGAN, GRAFIK DAN REKA LETAK BUKU

Encik Mohd Norhisyam bin Maslin
Unit Latihan, Seksyen Khidmat Pengurusan
Bahagian Pengurusan

TERBITAN OLEH

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
2025 ©



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN WP LABUAN





PELAN TINDAKAN STRATEGIK 2026 - 2030

JABATAN KESIHATAN WP LABUAN



Jabatan Kesihatan WP Labuan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Peti Surat 80832

87018, Wilayah Persekutuan Labuan

Tel : 087-596 000

Email : jkwplabuan@moh.gov.my